

## **Teori Penentuan Agenda dan Pemilihan Berita Buruh Kanak-Kanak: Satu Kajian Rintis dalam Akhbar Terpilih di Malaysia**

**Norhuda Salleh**

**Dzurizah Ibrahim**

*Kanak-kanak merupakan generasi yang akan mencorakkan masa depan sesebuah negara. Sehubungan itu, kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan kanak-kanak mendapatkan hak yang sewajarnya. Paling utama ialah hak kepada akses pendidikan yang merupakan salah satu agenda dalam Program Transformasi Kerajaan 1.0. Walau bagaimanapun masih ada pihak yang tidak bertanggungjawab mengeksploitasi kanak-kanak untuk dijadikan sebagai buruh. Agak mengejutkan apabila Malaysia dilabel sebagai salah sebuah negara yang berpotensi dalam aktiviti buruh kanak-kanak. Hal ini sebagaimana yang dilaporkan oleh Maplecroft, sebuah agensi bebas mengenai penggunaan buruh kanak-kanak yang berpangkalan di United Kingdom. Kajian ini merupakan kajian rintis untuk mengenal pasti pemaparan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar terpilih. Analisa data dilakukan bagi tempoh sepuluh tahun (2005-2013). Data diperolehi melalui pangkalan data Utusan Malaysia dan juga Bernama. Hasil kajian menunjukkan Kosmo! lebih melaporkan berita berkaitan buruh kanak-kanak berbanding Utusan Malaysia. Pelaporan berita buruh kanak-kanak melibatkan negara luar adalah tinggi berbanding dalam Malaysia.*

**Kata kunci:** penentuan agenda, buruh kanak-kanak, media, analisis kandungan

### **Pengenalan**

Kanak-kanak merupakan aset negara terpenting kerana mereka ini yang akan meneruskan segala pembangunan dan rancangan yang telah diatur oleh kerajaan. Banci penduduk bagi tahun 2011 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2013) menunjukkan terdapat seramai 9.8 juta orang kanak-kanak atau 34.6 peratus daripada 28.3 juta penduduk Malaysia. Salah satu inisiatif kerajaan bagi menjaga kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak ialah dengan meratifikasikan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *Konvensi on the Rights of the Child (CRC)* yang telah dilaksanakan pada 17 Februari 1995. Konvensyen ini memberi tumpuan terhadap kebajikan dan kehidupan kanak-kanak yang menjurus kepada aspek kelangsungan hidup (survival), perlindungan, perkembangan dan penyertaan. Kepentingan golongan kanak-kanak juga jelas dibuktikan dalam pernyataan Wawasan 2020 di mana institusi keluarga dan kanak-kanak merupakan salah satu fokus yang diberi keutamaan dalam usaha mencapai status negara maju di samping melahirkan

masyarakat yang penyayang dan saksama. Malaysia begitu beriltizam dalam memastikan kanak-kanak terus dilindungi dan hak mereka terpelihara bagi memastikan generasi ini dapat dibimbing dan dibentuk untuk menerajui negara pada masa hadapan.

Berita buruh kanak-kanak sebagaimana laporan dari badan penyelidik antarabangsa terutamanya daripada *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) - United Nation Children Funds (UNICEF) - UNESCO-UNICEF* pada tahun 1989, *World Vision Australia* (2012) dan *Maple Child Labor Index* (2012) memperlihatkan berlakunya masalah ini di Malaysia. Laporan daripada *Burra-UNESCO-UNICEF* (1989) dan *World Vision Australia* (2012) menyatakan wujudnya berita buruh kanak-kanak di Malaysia dalam sektor perladangan kelapa sawit. Manakala laporan daripada *Maplecroft Child Labour Index* 2012 pula tidak menyatakan sektor mana berita buruh kanak-kanak wujud di Malaysia walaupun meletakkan Malaysia sebagai salah satu negara di Asia mempunyai risiko pertengahan (medium risk) dalam berita buruh kanak-kanak di peta dunia bersama 197 negara lain. *Maplecroft Child Labour Index* 2012 turut melaporkan berita buruh kanak-kanak paling tinggi jumlahnya di Negara sub Afrika terutamanya dalam sektor pertanian. Sehubungan itu kajian rintis ini cuba mengenal pasti berita buruh kanak-kanak yang dipaparkan dalam akhbar terpilih di Malaysia melalui akses kepada pangkalan data syarikat akhbar Utusan Malaysia dan Agensi Berita Kebangsaan Malaysia (Bernama).

### **Permasalahan Kajian**

Masalah kanak-kanak dalam sektor pekerjaan telah menjadi perhatian umum sejak tahun kebelakangan ini. Ini terbukti daripada beberapa kajian yang dilakukan oleh badan penyelidik, institusi pengajian tinggi dan badan bukan kerajaan. Menurut Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) (2013) kira-kira 250 juta kanak-kanak di bawah umur antara lima hingga empat belas tahun, di mana lebih kurang 120 juta daripada mereka terlibat bekerja secara sepenuh masa secara berbahaya dan dieksploitasi. Berita buruh kanak-kanak ini dikatakan berlaku di negara sedang membangun. Kenyataan ini menggambarkan negara sedang membangun 'rakus' dalam usaha pembangunan dari sudut ekonomi sehingga meniadakan tanggungjawab dan kepentingan sosial masyarakatnya.

Data penglibatan kanak-kanak dalam sektor pekerjaan di Malaysia khususnya di Sabah telah lama dikumpulkan oleh penyelidik antaranya oleh Jalihah Md Shah & Dzurizah Ibrahim (2004) Dzurizah Ibrahim & Jaleha Md Shah (2014) dan Ismail Ali (2008). Namun agak menyedihkan hasil kajian ini tidak mendapat perhatian pihak media tempatan.

Sehubungan itu, kajian ini cuba melihat di sebalik tirai penentuan agenda pelaporan berita tempatan berhubung berita melibatkan imej negara dalam akhbar di Malaysia. Akhbar hingga kini masih memainkan peranan penting sebagai sumber utama dalam penyaluran maklumat kepada masyarakat. Akhbar memperlihatkan ataupun cerminan masyarakat. Untuk itu adakah masih benar wujudnya apa yang dikatakan oleh Cohen (1963) apakah yang ditentukan oleh media sebenarnya itu yang diinginkan oleh masyarakat atau sebaliknya?

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ialah mengenal pasti pemaparan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar terpilih di Malaysia. Oleh yang demikian, satu analisis kandungan terhadap empat akhbar iaitu *Utusan Borneo*, *Daily Express*, *Utusan Malaysia* dan *Kosmo* dilakukan. Perbincangan akan berfokus pada liputan berita buruh kanak-kanak dalam keempat-empat akhbar tersebut sepanjang tempoh sepuluh tahun bermula dengan tahun 2005 hingga tahun 2013.

### **Sorotan Literatur**

Terdapat beberapa kajian terdahulu berhubung berita buruh kanak-kanak di Malaysia. Burra (1989) dalam kajiannya di Semenanjung Malaysia menjelaskan terdapatnya penggunaan tenaga buruh kanak-kanak hampir dalam setiap sektor ekonomi Malaysia. Nerra menjelaskan pada ketika itu, Malaysia tidak mempunyai sebarang undang-undang berkaitan buruh kanak-kanak. Akta (PEKERJAAN) Kanak-Kanak dan Orang Muda (1966) pula hanya menjelaskan umur minima kanak-kanak bekerja ialah 8 tahun. Akta ini diguna pakai untuk Semenanjung Malaysia sahaja. Burra (1989) melalui Laporan banci penduduk Malaysia 1980 menjelaskan terdapat kira-kira 43,000 kanak-kanak berusia 10 hingga 14 tahun telah mula bekerja. Laporan Banci Penduduk 1980 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (1980) yang digunakan oleh Neera sebagai asas untuk mendapatkan data laporan, menjelaskan bahawa sebab utama kanak-kanak bekerja adalah untuk membantu keluarga. Kanak-kanak ini ramai terlibat dalam lima sektor utama iaitu perladangan, pertanian, perdagangan, perkhidmatan dan pembuatan. Kanak-kanak terlibat dalam kerja-kerja ringan seperti merumput, menyembur racun, mengumpul susu getah serta membersihkan cawan susu getah. Rumusan daripada kajian tersebut menjelaskan bahawa kanak-kanak yang

terlibat dalam sektor perladangan tidak mempunyai akses kepada pendidikan kerana ketiadaan sekolah. Walaupun di bawah Kanun Buruh (1923), diperkenalkan oleh kerajaan British, menetapkan bahawa setiap estet yang mempunyai 10 atau lebih kanak-kanak perlu mempunyai sekolah. Laporan ini turut memetik kajian terdahulu yang dilakukan oleh Jomo & Josie Zaini (1984) menyatakan sebab lain kanak-kanak tidak mendapat akses pendidikan ialah atas faktor ketidakmampuan. Dikatakan bahawa sebanyak 75 peratus pendapatan keluarga adalah untuk makanan, selebihnya untuk pengangkutan, pakaian dan perubatan dan hanya sedikit sahaja untuk pendidikan seperti yang berlaku kepada penduduk di kawasan bandar seperti di Prang Besar (Putrajaya) dan Sungei Bilut.

Kajian buruh kanak-kanak yang dilakukan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), (2010) pula memperlihatkan kesan negatif terhadap kehidupan kanak-kanak yang bekerja sepenuh masa. Antara lain, situasi tempat kerja yang merbahaya selain waktu kerja yang lama; terdedah kepada penderaan psikologi, lisan, fizikal dan seksual, kanak-kanak ini juga terpaksa akur untuk bekerja oleh sebab sesuatu perkara atau individu. Di samping itu, mereka juga didapati bekerja tanpa upah atau hanya menerima sedikit upah daripada pekerjaan yang dilakukan serta bekerja dan hidup di jalanan dalam keadaan yang serba daif. Akibat tidak menerima pendidikan, mereka ini tidak mempunyai keupayaan untuk lari dari kitar hidup kemiskinan.

Manakala kajian buruh kanak-kanak di Sabah yang telah dilakukan oleh Jalilah Md Shah & Dzurizah Ibrahim (2004), Ismail Ali (2008) dan Dzurizah Ibrahim & Jaleha Md Shah (2014) mendapati kanak-kanak terlibat dalam pelbagai jenis pekerjaan sama ada berupah atau tidak. Kanak-kanak juga terlibat dalam aktiviti haram sektor informal seperti menjual rokok seludup. Keadaan tempat kerja mereka didapati tidak selamat dan terdedah kepada masalah sosial. Kanak-kanak juga terlibat dengan aktiviti penjualan syabu, penagihan gam, penjualan nombor ekor (judi). Lebih memburukkan keadaan, kanak-kanak juga terlibat dalam aktiviti penipuan ketika mengurus niaga. Dzurizah Ibrahim & Jaleha Md Shah (2014) telah menjalankan kajian berhubung berita buruh kanak-kanak di Kota Kinabalu, Sandakan, Menggatal, Tuaran dan Inanam. Dapatan kajian mereka mendapati kanak-kanak di kawasan kajian terlibat kebanyakannya bekerja dalam sektor perkhidmatan (informal).

**Jadual 1: Jenis Pekerjaan yang Dilakukan Oleh Kanak-kanak Sabah**

<b>BIL</b>	<b>PEKERJAAN</b>	<b>Peratus</b>
1	Jual beg plastik	19
2	'Porter' (angkat sayur/ikan /brg2)	21
3	Jual ikan (mentah/masak)	18
4	Jual sayur/buah	12
5	Jual barangan / jaja kuih muih/air	18
6	Tukang cuci tandas	1
7	Pelayan/pekerja kedai makan	6
8	Cuci kereta	5

Sumber: Dzurizah & Jalihah (2014)

Manakala kajian Ortum (2013) di Kenya, Afrika mendapati bahawa dalam kajian berhubung perbandingan pemaparan berita kanak-kanak dalam dua akhbar di Kenya membabitkan berita penderaan, buruh kanak-kanak dan pendidikan. Namun pemaparan dan peletakan berita berkaitan kanak-kanak dalam media tersebut bukan di bahagian berita utama. Berita disiarkan di bahagian tengah dan juga belakang akhbar. Kajian Ortum mendapati bahawa hanya terdapat 121 berita sahaja mengenai berita berhubung kanak-kanak yang dipaparkan dalam akhbar yang dipilih. Ini menunjukkan berita berkaitan kanak-kanak kurang diberi perhatian oleh akhbar berbanding berita politik.

Taiphapoon & Muthitacharoen (2009) dalam kajian yang dijalankan di Thailand menunjukkan liputan berkaitan kanak-kanak dalam akhbar lebih bersifat pasif berbanding pro aktif sebagai berita dan gambaran sebenar yang berlaku. Laporan atau berita hanya bersifat pemberitahuan umum dan bukan satu berita yang membimbangkan. Gigle-UNICEF (2004) memaklumkan bahawa memang terdapat kekurangan dalam pelaporan berita berkaitan berita kanak-kanak dan orang muda. Laporan mereka menjelaskan hanya sedikit sahaja liputan pemaparan kanak-kanak dalam konteks berita sensasi seperti penderaan, eksploitasi dan keganasan, dengan hanya sedikit rasa hormat dan kerahsiaan kanak-kanak dan peluang mereka untuk menceritakan perkara sebenar. Oyero (2010) dalam analisis isi kandungan dua akhbar *Daily Times* dan *The Guardian* di Nigeria pula menyedari pemaparan berita kanak-kanak sangat rendah. Beliau menjelaskan berita kanak-kanak sangat jarang diberi liputan utama dalam akhbar, malahan berita kanak-kanak hanya disiarkan secara "asas" ataupun sebagai memenuhi ruang dalam akhbar mahupun berita penyiaran (filler).

## Metodologi Kajian

Untuk melihat pelaporan berita buruh kanak-kanak di Malaysia, kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Walizer & Wiener (1978) mendefinisikan kaedah analisis kandungan sebagai satu kaedah yang sistematik untuk mengenal pasti kandungan terhadap maklumat yang direkodkan. Maklumat dalam konteks kajian ini ialah tulisan tentang berita buruh kanak-kanak yang diterbitkan dalam empat buah akhbar di Malaysia iaitu *Daily Express*, *Utusan Borneo*, *Utusan Malaysia* dan *Kosmo!*. Analisis kandungan harus bersifat objektif. Dalam erti kata lain, tiada unsur berat sebelah atau kesukaan penyelidik dimasukkan dalam hasil yang dilaporkan. Definisi operasional dan klasifikasi arahan terhadap pemboleh ubah perlu jelas dan komprehensif supaya hasil dan keputusan yang sama akan diperoleh jika penyelidik lain mengulang semula proses yang telah dibuat. Walau bagaimanapun, jika sebuah kriteria dan prosedur telah dibangunkan secara terperinci mengenai contoh dan kategori kaedah, maka kebolehpercayaan hasil kajian mungkin dijawab menerusi persoalan Hansen, Negrine, & Newbold (1998) dan Wimmer & Dominick (1991).

Kajian ini merupakan tinjauan awal berhubung pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar di Malaysia yang mana penyelidik hanya membuat analisa kandungan berdasarkan maklumat dari pangkalan data *Utusan Publication* dan juga laman sesawang akhbar berkaitan untuk melihat sejauh mana trend pelaporan kandungan berita. Pada awalnya, penyelidik hanya menjangkakan untuk tempoh satu tahun penerbitan (2013) namun tiada data diperoleh. Oleh itu jangka masa kajian dilanjutkan dari tahun 2005-2013. Penyelidik menggunakan perkataan "buruh" dan "kanak-kanak" dalam mendapatkan berita berkaitan berita buruh kanak-kanak dalam pangkalan data dan juga laman sesawang akhbar yang terlibat. Kaedah ini untuk memudahkan penyelidik membuat tapisan dan hanya berita atau artikel berkaitan (berita buruh kanak-kanak) sahaja yang akan dipaparkan dalam pangkalan data mahupun laman sesawang akhbar berkaitan. Setelah mendapatkan pautan kepada berita atau artikel berkaitan, penyelidik membuat semakan silang dengan versi akhbar yang dicetak untuk mendapatkan berita sebenar yang (dalam bentuk reka letak akhbar).

Pemilihan keempat-empat akhbar ini adalah berdasarkan kemudahan akses pangkalan data secara percuma. Memandangkan ini merupakan kajian awal, penyelidik mengambil pendekatan untuk melihat tren pelaporan berita dalam pangkalan data yang boleh diakses secara percuma (*Daily Express*) dan bayaran minimum dikenakan oleh *Utusan Publication* berbanding akhbar tempatan yang lain. Alat pengukuran yang digunakan dalam

menganalisis data ialah menggunakan kandungan iaitu membingkaikan (*framing*), tema, sumber dan genre.

Oleh sebab ini merupakan kajian rintis untuk mendapatkan maklumat awal terdapat kekurangan maklumat seperti ada sebahagian berita atau artikel berkaitan berita buruh kanak-kanak tidak ada dalam simpanan pangkalan data mahupun laman sesawang akhbar berkenaan. Penyelidik percaya cara terbaik untuk mendapatkan maklumat adalah dengan melakukan analisa kandungan dengan menggunakan versi akhbar yang dicetak berbanding menggunakan maklumat melalui pangkalan data mahupun laman sesawang.

### **Konsep Dan Kerangka Teori: Buruh Kanak-kanak, Media, Penentuan Agenda Buruh Kanak-kanak**

Akta kanak-kanak 2011 (Akta 611) mendefinisikan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur 18 tahun dan ke bawah. Akta ini hanya mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2002, walaupun ia telah diluluskan pada tahun 2001. Walau bagaimanapun, definisi kanak-kanak di Malaysia mempunyai perbezaan bergantung kepada akta yang diwujudkan oleh kerajaan. Pendefinisian kanak-kanak di Malaysia adalah selaras dengan definisi yang diberikan oleh *UNICEF*. Walau bagaimanapun Ordinan Buruh Sabah (SLO) Bab 67 pindaan 2005 Seksyen 2 mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang di bawah umur 14 tahun. Manakala Seksyen 72(1) menyatakan tiada kanak-kanak dibenarkan atau diizinkan bekerja dalam mana-mana pekerjaan kecuali dalam pekerjaan tertentu yang tercatat mengikut Seksyen 72 (2) (a) hingga (d). Ordinan ini hanya mencakupi warga tempatan sahaja. Kanak-kanak warga asing atau *stateless* yang bekerja tidak tertakluk dalam cakupan ordinan ini. UNHCR (2015) menjelaskan *stateless* merujuk kepada keadaan seseorang yang tidak dipertimbangkan sebagai rakyat oleh mana-mana negara.

**Jadual 2: Konvensyen ILO NO.138 Umur Minimum Boleh Bekerja Konvensyen ILO No. 182 *Worst Form Of Child Labour***

	<b>Umur minima kanak-kanak boleh mula bekerja</b>	<b>Pengecualian yang memungkinkan bagi negara membangun</b>
<b>Kerja berbahaya</b> - sebarang kerja yang boleh mengancam kanak-kanak daripada segi fizikal, mental atau kesihatan moral, keselamatan atau moral tidak boleh dilakukan oleh kalangan bawah 18 tahun	18 (16 <i>under strict conditions</i> )	18 (16 <i>under strict conditions</i> )
<b>Umur Minima Asas</b> Umur minima tidak boleh lebih rendah daripada umur wajib kanak-kanak bersekolah, umumnya tidak kurang daripada 15 tahun.	15	14
	<b>Umur minima kanak-kanak boleh mula bekerja</b>	<b>Pengecualian yang memungkinkan bagi negara membangun</b>
<b>Kerja Ringan</b> Kanak-kanak antara umur 13 dan 15 tahun boleh melakukan kerja ringan, selagi ia tidak mengancam kesihatan dan keselamatan, atau menghalang persekolahan atau latihan vokasional.	13-15	12-14

Sumber; Konvensyen ILO NO.138

Buruh kanak-kanak menurut Chandra (2009) ialah penglibatan kanak-kanak dalam aktiviti yang menjana pendapatan sama ada dilakukan sendiri ataupun mendapat sokongan keluarga yang secara langsung mahupun tidak langsung yang berkonflik dengan perkembangan dan pendidikan kanak-kanak terbabit. Bagi tujuan kajian, buruh kanak-kanak didefinisikan sebagai mereka yang terlibat dalam aktiviti penjanaan pendapatan sama ada dilakukan sendiri ataupun mendapat sokongan keluarga, secara langsung atau tidak langsung, secara suka rela atau dipaksa dan berumur di bawah 18 tahun.

### Media

Media dalam bahasa Latin menurut Normah Mustafa *et al* (2009) ialah saluran yang menghubungkan sumber kepada penerima melalui perantara-perantara tertentu. Harriss, Leiter, & Johnson (2000) menyatakan media massa merupakan sumber utama maklumat



bagi kebanyakan orang. Manakala Couldry (2003) menjelaskan media ialah gabungan medium komunikasi (radio, muzik, rekod, Internet, televisyen, akhbar, filem dan video-produk) atau teks kepada medium lain. Jelas di sini surat khabar terangkum dalam media massa dalam penyampaian maklumat kepada khalayak. Organisasi media yang memayungi akhbar di Malaysia pada hari ini merupakan sebuah institusi yang menyediakan infrastruktur kepada masyarakat dalam aliran maklumat yang perlu diketahui ataupun yang ingin diketahui oleh masyarakat. Masterman (2001) menjelaskan media merupakan satu sistem pendidikan - sebuah sistem sosial yang merangkumi institusi, industri dan kemahiran budaya yang digabung jalin. Dengan kata lain, media merupakan satu sistem pendidikan yang mana khalayak mempelajari sesuatu yang baharu, sama ada yang diketahui atau belum diketahui. Namun sejauh mana media berperanan sebagai sebuah 'institusi' yang mendidik masyarakat dalam konteks berita buruh kanak-kanak di Malaysia masih menjadi persoalan. Adakah surat khabar di Malaysia hanya berperanan untuk memaklumkan berita yang dianggap penting bagi sesetengah pihak yang berkepentingan sahaja dan tidak memikirkan kepentingan khalayak secara keseluruhannya? Adakah mungkin berita buruh kanak-kanak di Malaysia tidak mempunyai saluran yang dapat menghubungkan sumber kepada penerima? Atau sumber yang ada tidak sampai kepada saluran disebabkan oleh perantara-perantara tertentu?

### **Teori Penentuan Agenda**

Teori penentuan agenda dipelopori oleh Lippman yang menyatakan bahawa media bertanggungjawab terhadap gambaran dalam minda manusia. Seterusnya Cohen, (1963) menyatakan media lebih daripada sekadar pemberi maklumat dan pendapat. Media mungkin tidak berjaya dalam mendorong khalayak untuk memikirkan sesuatu, tetapi media sangat berjaya dalam mendorong pembacanya menentukan apa yang perlu difikirkan.

Lang & Lang (1966) dalam kajiannya mendapati media memfokuskan perhatian khalayak terhadap sesuatu berita dengan mencadangkan apa-apa yang difikirkan, diketahui dan dirasai oleh khalayak mengenai sesuatu perkara. Dalam konteks pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar di Malaysia, adakah perkara ini benar-benar wujud? Lantaran itu, analisa kandungan maklumat berhubung pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar perlu dirungkaikan. Pelaporan sesuatu berita dalam akhbar melibatkan penentuan agenda yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan akhbar. Penentuan agenda meliputi proses pemilihan, pembentukan, pemaparan, penentuan, penyimpanan atau pengulangan keseluruhan mesej atau komponen mesej (Siune, Karen, & Kline, 1975). Menurut Blake (1975), McCombs & Becker(1979) dan Teel & Taylor (1983) pengampang maklumat

(gatekeeper) mempunyai kuasa mutlak untuk memutuskan jenis maklumat yang ingin disampaikan kepada khalayak. Namun, sejauh manakah kuasa “mutlak” yang diberikan kepada *gatekeeper* dalam konteks pelaporan berita buruh kanak-kanak di Malaysia dapat diaplikasikan dalam konteks pemilihan berita untuk siaran akhbar? Ini kerana pemilihan berita bukanlah suatu proses yang mudah dan ringkas. Teel & Taylor (1983) menyatakan keputusan memilih berita adalah kompleks kerana proses berkenaan sering berubah dan sukar ditentukan. Faktor-faktor lain yang mempengaruhi pemilihan berita adalah campur tangan pemimpin politik yang memerintah atau pemilik saham, dasar kerajaan yang tersurat dan tersirat, serta sistem politik, ekonomi dan sosial

### **Analisa Data**

Hasil kajian bagi tempoh 2005-2013 dalam akhbar Daily Express dan Utusan Borneo masing-masing tidak melaporkan sebarang berita berhubung berita buruh kanak-kanak. Manakala bagi Utusan dan Kosmo! wujudnya pelaporan berita tersebut. Namun jumlah maklumat bagi kedua-dua akhbar hanya mencatatkan jumlah yang rendah iaitu di bawah sepuluh maklumat. Jadual 3 di bawah menunjukkan pecahan pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar (Utusan Malaysia dan Kosmo!). Kajian awal ini mendapati tiada pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar Daily Express dan Utusan Borneo bagi tahun 2005-2013. Walau bagaimanapun, ini hanya merupakan dapatan awal yang hanya bersandarkan kaedah analisis kandungan melalui pangkalan data akhbar, pangkalan data Bernama (BLISZ) dan laman sesawang akhbar yang dipilih. Bagi tempoh 2005-2013 sebanyak lima pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar yang dipilih. Utusan Malaysia melaporkan dua berita manakala Kosmo! tiga berita. Akhbar Kosmo! memberi keutamaan terhadap pelaporan berita buruh kanak-kanak dengan meletakkan berita tersebut dalam ruangan berita utama lain. Manakala akhbar Utusan Malaysia meletakkan pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam ruangan berita umum. Kosmo! lebih memberi perhatian berhubung pelaporan berita buruh kanak-kanak berbanding Utusan Malaysia. Daripada segi sumber, dua pelaporan berita buruh kanak-kanak menggunakan sumber pegawai kerajaan dan satu menggunakan sumber agensi berita asing (AFP). Utusan Malaysia pula menggunakan sumber daripada agensi berita asing (AFP) dalam kedua-dua pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar mereka. Utusan Malaysia dan Kosmo! masing-masing menggunakan tema sepunya yang menyentuh berita ekonomi, sosial dan budaya. Manakala genre pelaporan berita buruh kanak-kanak pula, Utusan Malaysia

menggunakan genre penulisan berbentuk rencana (feature writing). Kosmo! pula menggunakan genre penulisan berbentuk berita (hard news) bagi dua pelaporan berita buruh kanak-kanak dan satu pelaporan berbentuk rencana (feature writing).

**Jadual 3: Pembingkaian, Tema, Sumber dan Genre Pelaporan Berita buruh Kanak-kanak bagi Utusan Malaysia dan Kosmo! Bagi Tahun 2005-2013**

BIL	ASPEK	DAPATAN	KEKERAPAN	
			UM	Kosmo!
1.	Keutamaan berita	Berita utama lain	0	2
2.	Kategori berita	Berita umum	2	1
8.	Tema sepunya	Ekonomi, Sosial & budaya	2	3
3.	Sumber dalam berita	Pegawai Kerajaan		2
		Agensi Berita Asing (AFP)	2	1
6.	Genre	Jenis penulisan rencana	2	1
		Berita		2

Sumber: Kajian Lapangan Mei 2014

**Jadual 4: Pelaporan Berita Buruh Kanak-kanak Dalam Utusan Malaysia Secara Rinci Bagi Tahun 2005-2013**

Bil	Tarikh	Muka Surat	Bahagian/ Seksyen	Tajuk	Sumber
1.	19 Disember 2005	24	Rencana	Permaidani mewah Afghan (hasil titik peluh kanak-kanak)	AFP-Afghanistan :Susunan Noor Fazrina Noor Kamal
2.	6 Jun 2013	12	Mega (Sisipan)	Pekerja Buruh Kanak-kanak	AFP - Afghanistan

Sumber : Kajian Lapangan, Mei 2014

Sebagaimana yang diilustrasikan dalam Jadual 4, Utusan Malaysia melaporkan dua maklumat berhubung berita buruh kanak-kanak iaitu satu maklumat pada 19 Disember 2005 dan 6 Jun 2013. Kedua-dua pelaporan berhubung berita buruh kanak-kanak menjurus kepada senario yang berlaku di luar negara.

**Jadual 5: Pelaporan Berita Buruh Kanak-kanak Dalam Kosmo Secara Rinci Bagi Tahun 2005-2013**

Bil	Tarikh	Muka Surat	Bahagian/ Seksyen	Tajuk	Sumber
1	14 Ogos 2006	4	Negara	Buruh Paksa Kanak-kanak (Diperguna jual barangan untuk kaut untung)	Basir Abu Bakar – Alor Setar
2	15 Ogos 2006	2	Negara	Kami tidak bersalah (Pengetua sekolah tahfiz pertahan tindakan kerah murid berniaga)	Basir Abu Bakar – Alor Setar
3	6 Mac 2013	24	Laman Global	Nasib pelombong lubang tikus	AFP-India

Sumber : Kajian Lapangan, Mei 2014

Bagi Kosmo! sebagaimana ilustrasi dalam Jadual 5, hanya terdapat tiga maklumat berhubung berita buruh kanak-kanak yang dilaporkan iaitu pada 14 Ogos 2006, 15 Ogos 2006 dan 6 Mac 2013. Pelaporan berita buruh kanak-kanak pada 15 Ogos 2006 merupakan berita lanjutan daripada keluaran 14 Ogos 2006. Dua berita ini (14 & 15 Ogos 2006) merupakan pelaporan berita buruh kanak-kanak yang berlaku di Malaysia (Alor Setar). Manakala pelaporan berita buruh kanak-kanak pada 6 Mac 2013 melibatkan negara luar (India). Sumber berita diperoleh daripada pegawai kerajaan (dua berita), manakala hanya satu sumber daripada agensi berita asing-AFP. Namun demikian, semua maklumat yang diperoleh melalui analisa kandungan akhbar bagi tempoh 2005-2013 tiada satu pun maklumat berhubung laporan buruh kanak-kanak yang dikeluarkan oleh *Maplecraft* 2012 mahupun *World Division Australia* 2012. Kesemua akhbar ini tidak mengambil laporan daripada dapatan kajian oleh penyelidik luar sebagai sumber berita mereka.

Media massa seharusnya memainkan peranan dalam memberi maklumat berhubung berita buruh kanak-kanak kepada masyarakat Malaysia khususnya dan antarabangsa amnya. Pelaporan berita buruh kanak-kanak di Malaysia khususnya di Sabah perlu dirungkaikan bagi semua pihak dapat mencari jalan penyelesaian segera. Laporan daripada badan kajian luar negara perlu dipandang serius kerana data memperlihatkan Malaysia termasuk dalam 197 buah negara yang mengalami berita buruh kanak-kanak.

## Rumusan Dan Perbincangan

Kajian awal ini mendapati bahawa berita buruh kanak-kanak tidak mendapat liputan sewajarnya dalam akhbar di Malaysia walaupun kerajaan dalam agenda pertama Program Transformasi Kerajaan 1.0 dalam Laporan Tahun 2012 adalah untuk memastikan supaya kanak-kanak berjaya dalam kehidupan. Agenda kerajaan tidak semestinya mendapat liputan dalam media. Hasil kajian awal ini menunjukkan bahawa akhbar menetapkan agendanya sendiri dan tidak terikat dengan agenda kerajaan yang memerintah. Dengan kata lain, akhbar masih mempunyai kebebasan untuk melaporkan bahan yang hendak disiarkan. Akhbar masih menggunakan nilai berita untuk memilih liputan beritanya. Daripada kajian awal yang dilakukan, Kosmo! lebih memberikan pelaporan berita buruh kanak-kanak berbanding Utusan Malaysia bagi tempoh 2005-2013. Tema dalam pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar di Malaysia melibatkan tema sepunya yang merangkumi tiga aspek iaitu ekonomi, sosial dan budaya. Pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar di Malaysia bagi Utusan Malaysia dan Kosmo! bersumberkan agensi berita asing (AFP) dan juga sumber pegawai kerajaan. Kedua-dua akhbar –Utusan Malaysia dan Kosmo! menggunakan genre penulisan rencana (feature writing). Pujian wajar diberikan kepada wartawan dan editor Kosmo! kerana menjalankan siasatan berhubung berita buruh kanak-kanak di Malaysia sehingga menghasilkan genre berita (hard news) bagi dua pelaporan berhubung berita buruh kanak-kanak. Kenyataan UNICEF (2004) bahawa memang terdapat kekurangan dalam pelaporan berita berkaitan berita kanak-kanak dan orang muda sangat bertepatan dengan dapatan awal kajian ini. Begitu juga kajian Oyero (2010) di Nigeria yang menyatakan pemaparan berita kanak-kanak dalam akhbar sangat rendah. Dapatan awal daripada kajian pelaporan berita buruh kanak-kanak dalam akhbar di Malaysia juga mempunyai nasib yang sama sebagaimana di Nigeria iaitu berita kanak-kanak hanya disiarkan secara “asas” ataupun sebagai memenuhi ruang dalam akhbar. Tetapi perkara ini masih boleh dipersoalkan kerana buruh kanak-kanak merupakan isu yang dibincangkan oleh pengkaji, yang membuat penyelidikan di kawasan pedalaman yang berkemungkinan kurang mendapat perhatian masyarakat umum. Sehubungan itu adalah wajar bagi media massa dan pihak yang melaksanakan penyelidikan berganding bahu dalam menyalurkan maklumat yang melibatkan kepentingan negara. Media massa amat berkesan dalam mempengaruhi apa yang difikirkan oleh rakyat dan situasi sebenar yang berlaku. Dalam konteks kajian ini penentuan pemilihan sesuatu berita untuk disiarkan adalah bergantung pada gatekeeper serta faktor lain dan salah satu faktor yang memungkinkan sesuatu berita itu tidak disiarkan

ialah maklumat yang lengkap tidak dimaklumkan kepada media massa bagi tujuan penerbitan.

### Rujukan

*Akta (PEKERJAAN) Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966.* (1966). Kuala Lumpur: Kerajaan Malaysia. Di akses pada 26 Jun dari [mpc.gov.my/data/license-legal-523a376b059b8.pdf](http://mpc.gov.my/data/license-legal-523a376b059b8.pdf)

Burra, N. (1989). *Child Labour and Education*. Paris. UNESCO-UNICEF

Chandra, A. (2009). Child Labor - A Study from Anthropological Perspective With Special Reference to Glass Industry, Fizoabad. *Anthropologist*, 11(1), 15–20. Di akses pada 10 Januari 2014 dari <http://www.krepublishers.com/02-Journals/T-Anth/Anth-11-0-000-09-Web/Anth-11-1-001-09-Abst-PDF/Anth-11-1-015-09-505-Chandra-A/Anth-11-1-015-09-505-Chandra-A-Tt.pdf>

Child Labor Index 2012. (2013). Di akses pada 10 Januari 2014 dari [http://maplecroft.com/about/news/child\\_labour\\_2012.html](http://maplecroft.com/about/news/child_labour_2012.html)

Cohen, B. (1963). The Press and Foreign Policy. In R. D. Wimmer & J. R. Dominick (Eds.), *Mass Media Research: An Introduction*. Belmont: Wardsworth, Inc.

Couldry, N. (2003). *Media Rituals: A Critical Approach*. London: Routledge. Di akses pada Jun 2014 dari [http://books.google.com.my/books?id=tTDVxIcMc4YC&printsec=frontcover&dq=media+ritual&hl=en&sa=X&ei=G2bpU\\_KKA4nboASRhoDgDQ&ved=0CBwQ6AEwAA#v=onepage&q=media ritual&f=false](http://books.google.com.my/books?id=tTDVxIcMc4YC&printsec=frontcover&dq=media+ritual&hl=en&sa=X&ei=G2bpU_KKA4nboASRhoDgDQ&ved=0CBwQ6AEwAA#v=onepage&q=media%20ritual&f=false)

Dzurizah Ibrahim & Jaleha Md Shah. (2014). *Buruh Kanak-Kanak di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Forced, Child and Trafficked Labour in the Palm Oil Industry. (2012). Di akses pada 8 Februari 2014 <http://campaign.worldvision.com.au/wp-content/uploads/2013/04/Forced-child-and-trafficked-labour-in-the-palm-oil-industry-fact-sheet.pdf>

Gigle, S. (2004). *Children, Youth and Media Around the World: An Overview of Trends & Issues*. Rio de Janeiro. Di akses pada 25 Mac 2014 dari <http://www.unicef.org/magic/resources/InterMedia2004.pdf>

Hansen, C. A., Negrine, R., & Newbold, C. (Eds.). (1998). *Mass Communication Research Methods*. London: Macmillan Press.

Harriss, J., Leiter, K., & Johnson, S. (2000). *The Complete Reporter: Fundamentals of News Gathering, Writing and Editing* (Seventh Ed). Illionis: Pearson.

Ismail Ali. (2008). Penglibatan dan Sumbangan Kanak-Kanak Warga Filipina dalam Ekonomi Perikanan di Sabah: Satu Pengadalan Moral? *Sosiohumanika*, 1(2), 365–390.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (1980). *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2013). *Indikator Demografi Malaysia 2013*. Putrajaya.
- Jalihah Md Shah & Dzurizah Ibrahim. (2004). Buruh Kanak-kanak di kawasan luar bandar: Kajian Kes di Kundasang, Sabah. In *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K. S., & Josie Zaini. (1984). *Early Labour: Children At Work On Malaysian Plantations*. Kuala Lumpur, London.
- Kanun Buruh*. (1923). Kuala Lumpur: Kerajaan British.
- Kerajaan Malaysia. (2005). *Ordinan Buruh Sabah*. Kerajaan Malaysia. Di akses pada 18 Jun 2014 dari file:///C:/Users/user/Downloads/DR212004.pdf
- Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak*. (1995). Kuala Lumpur.
- Lang, K., & Lang, G. (1966). The Mass Media and voting. In R. D. Wimmer & J. R. Dominick (Eds.), *Mass Media Research: An Introduction*. Belmont: Wardsworth Inc.
- Masterman, L. (2001). A rationale for media education. In R. Kubey (Ed.), *Media Literacy in the information Age: Current perspectives and behaviour* (pp. 15–68). New Jersey.
- McCombs, M., & Becker, L. (1979). *Using Mass Communication Theory*. New York: Prentice Hall.
- Normah Mustafa, Faridah Ibrahim & Mus Chairil Samani. (2009). The Effect of pictures on the order of assessing online war stories. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 25, 13–20. Di akses pada 16 Februari 2014 dari [http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf\\_files/2009/V25\\_2.pdf](http://www.ukm.my/jkom/journal/pdf_files/2009/V25_2.pdf)
- Ortum, L. L. (2013). *An Investigation Into The Extent Of Children Content In Kenyan Media A Case Study Of The Nation And The Standard Newspapers*. University of Nairobi, Nairobi. Di akses pada 10 Mac 2014 from [http://erepository.uonbi.ac.ke/bitstream/handle/11295/60127/An Investigation Into The Extent Of Children Content In Kenyan Media A Case Study Of The Nation And The Standard Newspapers.pdf?sequence=3](http://erepository.uonbi.ac.ke/bitstream/handle/11295/60127/An%20Investigation%20Into%20The%20Extent%20Of%20Children%20Content%20In%20Kenyan%20Media%20A%20Case%20Study%20Of%20The%20Nation%20And%20The%20Standard%20Newspapers.pdf?sequence=3)
- Oyero, O. (2010). Media Ownership and the Coverage of Child Rights in the Nigerian Newspapers. *The Nigerian Journal of Communication*, 8(1), 242–265. Di akses pada 10 Mac 2014 from [http://eprints.covenantuniversity.edu.ng/1010/1/Media ownership and the Coverage of Child Rights.pdf](http://eprints.covenantuniversity.edu.ng/1010/1/Media%20ownership%20and%20the%20Coverage%20of%20Child%20Rights.pdf)
- Siune, Karen, & Kline, G. (1975). Communication, Mass Political Behaviour, and Mass Society. In *Political Communication: Issues and Strategies for Research*. Beverly Hills California: Sage.
- Taiphapoon, T., & Muthitachoen, P. (2009). *No Title How Thai Media Presents News About Children*. Bangkok, Thailand: United Nations Children's Fund (UNICEF). Di akses pada 6 Mac 2014 dari [http://www.unicef.org/eapro/Baseline\\_survey\\_media\\_and\\_children\\_summary\\_of\\_resultsEng.pdf](http://www.unicef.org/eapro/Baseline_survey_media_and_children_summary_of_resultsEng.pdf)
- Teel, L. R., & Taylor, R. (1983). *Into the Newsroom: An Introduction to Journalism*. New Jersey: Prentice-Hall.

UNHCR. (2015). Stateless People. Di akses pada 8 September 2015 dari from <http://www.unhcr.org/pages/49c3646c155.html>

Walizer, M. H., & Wiener, P. L. (1978). *Research Methods and Analysis*. New York: Harper & Row.

What is child labour. (2013). Retrieved from <http://www.ilo.org/ipecc/facts/lang--en/index.htm>

Wimmer, R. D., & Dominick, J. R. (1991). *Mass Media Research: An Introduction* (9th ed.). Belmont, CA: Wadsworth.